

قلیتا بهاس

Pelita Bahasa

WADAH KESEMPURNAAN BAHASA

SEMENANJUNG MALAYSIA: RM8.00 • SABAH/SARAWAK: RMB8.00
• BRUNEI DARUSSALAM: B\$8.50 • SINGAPURA: S\$8.50
• BIL. 10/2025



MALAYSIA
MADANI

JendelaDBP

f Pelita Bahasa DBP

ujana/pelita-bahasa

#MalaysiaMembaca

KK 499-90837-1025
ISSN 0128-2182



**PENGAJARAN
TATABAHASA
PERSEDIAAN MENGHADAPI
PEPERIKSAAN**

DBP



05	BINGKISAN EDITOR
06	SARI BAHASA <ul style="list-style-type: none"> Pengajaran Tatabahasa: Persediaan Menghadapi Peperiksaan - MD ISHAK A. RAHMAN
11	KOMENTAR <ul style="list-style-type: none"> Peranan Pensyarah dalam Kesinambungan Kesarjanaan Bahasa Melayu - MOHD ZIKRI IHSAN MOHAMAD ZABHI
14	SOAL JAWAB BAHASA <ul style="list-style-type: none"> Menandatangani atau Penandatanganan? - DAING ZAIRI MA'AROF
18	CEMERLANG PELAJAR <ul style="list-style-type: none"> Perihal "Berfungsi sebagai" - CHIN BOON TEK
22	CEMERLANG BAHASA <ul style="list-style-type: none"> Kata Nafi Bukan dan Tidak - FIRSYA UMAIRA OTHMAN
25	TENTANG BAHASA <ul style="list-style-type: none"> Frasa dan Klausu sebagai Subjek dan Objek - SUPIAN MOHAMAD NOOR
28	BUCU KATA <ul style="list-style-type: none"> Buku Dibaca, Akal Terbuka - NURUL IZZATI MOKHTAR

30	GELI BAHASA <ul style="list-style-type: none"> - ZAHIRRUDIN DAUD
31	PERIBAHASA
32	ARKIB BAHASA
33	CERPEN <ul style="list-style-type: none"> • Penjual Roti - AZIZ MUDA
38	PENGAJARAN BAHASA <ul style="list-style-type: none"> Membina Fikiran Mendalam dan Berwaspada dalam Dunia Moden - AZIZUL RAHMAN ABDUL RAHMAN
43	TERAMPIL BAHASA <ul style="list-style-type: none"> Teknik dan Tip Merumuskan Artikel - JOHN CHAM
47	WARISAN BAHASA <ul style="list-style-type: none"> Evolusi Kesantunan Melayu - ARINA JOHARI
52	BIJAK BAHASA <ul style="list-style-type: none"> - MUHAMMAD HAZIQ NOOR AFFANDI
54	SIMFONI BAHASA <ul style="list-style-type: none"> Bahasa Tuhan dalam Luka - NUR ALEEYA NAJWA MD HUSSIN Gurindam Membina Diri - MUSTAFFA SIRAJ Terbanglah Bersama Sayap Bahasamu - ZALINA AHMAD



Oleh ARINA JOHARI



Evolusi *Kesantunan Melayu*

Budi yang halus, bahasa yang santun; begitulah tradisi Melayu mendidik anak bangsa tentang adab dan keharmonian hidup. Kesantunan sering digambarkan sebagai kelembutan bahasa, keluhuran budi dan sikap menghormati orang lain. Namun, hakikatnya kesantunan bukan sekadar adat atau hiasan, tetapi satu sistem nilai yang berakar dalam struktur sosial dan budaya bangsa. Santun menjadi mekanisme paling signifikan untuk menjaga maruah, memelihara keharmonian, dan membina identiti kolektif masyarakat tanpa mengira bangsa keturunan. Dalam pantun dan peribahasa, kesantunan sering dikaitkan sebagai lambang tamadun seperti dalam ungkapan “kerana budi kita dikenang, kerana bahasa kita dijulang”.

Namun, arus zaman yang semakin deras sedang menguji kekuatan akar budi yang diwarisi ini. Globalisasi, teknologi digital dan gaya hidup moden telah memecahkan banyak sempadan yang selama ini memayungi kesantunan masyarakat kita. Komunikasi yang pantas dan serba ringkas, budaya media sosial yang semakin terbuka, serta pengaruh naratif luar yang menormalisasikan gaya komunikasi

lantang, sedikit demi sedikit mengubah aliran makna kata. Situasi dan suasana ini tidak lagi menjadi pelik, malah diterima oleh masyarakat. Kesantunan dan landskap seni berbahasa juga turut berubah mengikut arus zaman.

Adakah kesantunan pada hari ini masih bermakna tunduk, berdiam diri dan berlapik kata atau wajar dimaknakan semula sebagai keberanian untuk bersuara secara tertib dan

berprinsip? Evolusi kesantunan ini bukan sekadar perubahan bentuk, tetapi mencabar keupayaan masyarakat Melayu mengekalkan akar budi dalam dunia yang semakin pantas, individualistik dan terbuka. Dalam masyarakat Melayu tradisional, kesantunan berfungsi sebagai mekanisme sosial yang mengatur interaksi, menyusun hierarki, dan menjaga maruah. Oleh yang demikian, kehalusan kiasan, bahasa berlapik, dan gaya komunikasi sopan santun lebih mengutamakan keharmonian berbanding dengan konfrontasi. Ungkapan seperti *izinkan patik mengundur diri* atau *ampun beribu ampun* bukan sekadar kata-kata indah, tetapi lambang hubungan kuasa yang diterima oleh masyarakat ketika itu. Kesantunan tradisional merangkumi pengucapan yang penuh berlapik, tingkah laku yang tertib sebagai tanda maruah diri, serta sensitiviti terhadap perasaan orang lain walaupun terpaksa memendam perasaan sendiri. Namun, bentuk kesantunan ini juga kadangkala dikritik kerana terlalu bergantung pada kepatuhan mutlak kepada struktur sosial mengikut hierarki. Dalam sesetengah konteks, diam dianggap emas walaupun ketidakadilan berlaku; inilah yang dicabar oleh generasi muda.

Evolusi ini semakin ketara apabila masyarakat kini tidak lagi melihat kesantunan sebagai sesuatu yang kaku. Generasi muda cenderung memaknakan kesantunan sebagai keupayaan untuk berkomunikasi secara tegas atau lebih berterus terang. Bagi mereka komunikasi seperti ini lebih cepat menyampaikan mesej tanpa menyinggung pihak lain. Jika dibuat perbandingan dengan komunikasi generasi dahulu, mereka lebih selesa menyampaikan sesuatu maksud dan emosi menerusi pantun, kiasan yang berlapik, tamsil, ibarat, perumpamaan dan seumpamanya. Tetapi generasi muda kini hampir kesemuanya lebih mesra menterjemahkan maksud dan emosi itu dalam bentuk emoji, mesej ringkas dan visual yang pantas. Gaya komunikasi juga semakin egalitarian; semua orang, tanpa mengira usia atau status, merasakan mereka berhak untuk menyuarakan pendapat dengan cara yang wajar. Kesantunan tidak lagi bermakna berdiam diri, tetapi berani menyatakan pandangan secara telus. Pada masa yang sama, mereka tetap menjaga batas hormat.

Namun, evolusi ini tidak berlaku tanpa cabaran. Dalam dunia digital tanpa bersua muka, keberanian bersuara kadangkala melangkaui

sempadan yang akhirnya mewujudkan ketidaksopanan. Fenomena kata-kata kasar di media sosial, sindiran politik yang keterlaluan, budaya hasut maya atau *troll* dan normalisasi penghinaan awam menunjukkan bahawa masyarakat kini berhadapan dengan garis nipis antara kesantunan baharu yang begitu progresif. Kebimbangan demi kebimbangan mendesak masyarakat hari ini sedar akan hakikat bahawa ketidaksantunan yang sedang berlaku sekarang sedang menghakis nilai budaya. Jurang generasi turut menambah cabaran ini, malah mencetuskan pertembungan tafsiran. Golongan tua telah pun setia menilai kesantunan itu melalui tanda-tanda luaran, seperti bahasa nan sopan mengikut peringkat umur, beradab dan tunduk. Manakala golongan muda pula lebih menekankan keikhlasan dan kejujuran. Pertembungan tafsiran ini sering mencetuskan ketegangan dalam keluarga dan masyarakat. Pada masa yang sama, budaya digital membawa kepada relativisme nilai, iaitu fahaman bahawa kebenaran nilai moral dan lain-lain tidak semestinya mutlak, tetapi mungkin berbeza antara individu atau budaya. Di ruang maya yang bercampur-baur norma budayanya, kesantunan mudah diabaikan kerana tiada kod bersama

Fenomena kata-kata kasar di media sosial, sindiran politik yang keterlaluan, budaya hasut maya atau *troll* dan normalisasi penghinaan awam menunjukkan bahawa masyarakat kini berhadapan dengan garis nipis antara kesantunan baharu yang begitu progresif.



atau konsekuensi sosial yang jelas. Seperti kata pepatah, *biduk lalu kiambang bertaut*, namun di alam maya yang luas, tautan itu kian renggang.

Tidak dapat dinafikan bahawa perubahan ini didorong oleh pelbagai faktor sosial yang kompleks. Globalisasi dan pengaruh budaya luar melalui filem, muzik dan media sosial telah menormalisasikan gaya komunikasi yang lebih lantang, terus terang dan kurang berlapik. Nilai kesantunan tradisional yang menekankan kelembutan bahasa dan penghormatan kepada hierarki sosial semakin terhakis apabila anak muda terdedah kepada

naratif budaya global yang sering mengangkat keberanian bersuara sebagai tanda keaslian diri. Hal ini menjadikan kesantunan yang penuh kiasan atau berlapik kadangkala dipandang sebagai lambang kelemahan, ketinggalan zaman atau kepura-puraan.

Selain itu, pendidikan dan persekitaran rumah yang kurang menekankan nilai kesantunan secara konsisten turut melemahkan pemahaman generasi baharu terhadap adab. Apabila guru dan ibu bapa lebih fokus pada pencapaian akademik atau material semata-mata, nilai seperti hormat, budi bahasa dan timbang rasa semakin terpinggir daripada pendidikan harian.

Teknologi komunikasi yang mendominasi kehidupan hari ini juga mencipta realiti sosial yang baharu. Interaksi tanpa kehadiran secara fizikal melalui media sosial dan aplikasi mesej segera mengurangkan tahap empati kerana pengguna tidak melihat kesan langsung daripada kata-kata atau tindakan mereka. Fenomena ini mendorong wujudnya budaya hasut maya, sindiran keterlaluan dan penghinaan terbuka kerana ketiadaan rasa malu atau tanggungjawab yang biasanya timbul dalam interaksi secara bersemuka.

Dalam menghadapi realiti ini, langkah ke hadapan bukanlah dengan menolak perubahan, tetapi dengan menyesuaikan nilai kesantunan dalam konteks baharu yang lebih kompleks. Kesantunan harus dimaknakan semula sebagai alat komunikasi yang berkesan, bukannya sekadar hiasan budaya yang ketinggalan zaman. Pendidikan nilai perlu dilaksanakan secara kontekstual, bukan sekadar mengulang nasihat ringkas seperti "jangan kasar" atau "jangan kurang ajar". Generasi baharu perlu difahamkan bahawa sifat hormat dan budi bahasa penting dalam dunia yang semakin penuh dengan konflik



dan polarisasi. Pemahaman ini akan membantu mereka melihat kesantunan sebagai strategi membina hubungan yang harmoni, bukannya sebagai kekangan untuk menyuarakan pendapat. Pada masa yang sama, teladan daripada orang dewasa amat penting. Ibu bapa, guru, pemimpin dan golongan berpengaruh harus menjadi model komunikasi yang sopan dalam segenap medium. Apabila masyarakat menyaksikan mereka berinteraksi dengan penuh adab walaupun berbeza pandangan, mesej tentang nilai kesantunan akan sampai dengan lebih berkesan.

Usaha ini juga perlu diterjemahkan dalam ekosistem digital yang kini menjadi sebahagian besar daripada kehidupan masyarakat. Pembangunan kandungan yang beradab di media sosial perlu dipelopori oleh pencipta kandungan, pempengaruh dan pengamal media. Mereka bukan sahaja mampu menyebarkan mesej positif dengan capaian yang lebih luas, tetapi juga boleh membentuk naratif bahawa kesantunan bukanlah tanda kelemahan, sebaliknya kekuatan yang mampu mempengaruhi orang lain dengan cara yang lebih berhemah dan bijaksana. Melestarikan kesantunan dalam dunia baharu memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu. Usaha ini perlu digerakkan dalam pelbagai peringkat, iaitu bermula daripada keluarga, sekolah, komuniti, media dan dasar negara, agar nilai kesantunan yang menjadi teras identiti bangsa Melayu tidak hanya tinggal sebagai

Ibu bapa, guru, pemimpin dan golongan berpengaruh harus menjadi model komunikasi yang sopan dalam segenap medium.

nostalgia, tetapi terus hidup dan berkembang seiring dengan zaman.

Kesantunan Melayu tidak akan pupus, tetapi mesti berkembang. Dalam mendepani realiti baharu, nilai ini harus dihidupkan dalam tutur kata, tulisan digital dan tindakan sehari-hari bukan sebagai simbol masa lalu, tetapi sebagai kekuatan bangsa dalam menghadapi cabaran masa hadapan. Evolusi kesantunan hanyalah proses mematangkan nilai. Seperti pepatah Melayu, yang *lama dikelek, yang baharu didukung*, tradisi yang baik harus kekal berakar, namun tetap fleksibel menyesuaikan diri dengan arus zaman. Budi berakar, adab berubah, namun rohnya tetap satu, iaitu menegakkan maruah, menjaga keharmonian, dan sentiasa memuliakan insan. **Pb**